KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

# BUKU PANDUAN

# SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

SEKRETARIAT
RUKUN NEGARA



**Cetakan Pertama 2022**

© KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**Hak Cipta Terpelihara.**
Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Perpaduan Negara.

**Diterbitkan oleh:**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

# BUKU PANDUAN
# SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

SEKRETARIAT
RUKUN NEGARA

# KANDUNGAN

1 PRAKATA

7 LAGU NEGARAKU

8 LAGU RUKUN NEGARA

11 RINGKASAN EKSEKUTIF

## 1 PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

17 Sejarah Pengisytiharan Rukun Negara

21 Prinsip Rukun Negara

## 2 RUKUN NEGARA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

23 Matlamat Pelaksanaan Program Sekretariat Rukun Negara

25 Penerapan Prinsip Rukun Negara Melalui Program Sekretariat Rukun Negara

## 3 SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

29 Sejarah Penubuhan Sekretariat Rukun Negara

32 Punca Kuasa Penubuhan Sekretariat Rukun Negara

33 Visi Dan Misi Sekretariat Rukun Negara

34 Objektif Penubuhan Sekretariat Rukun Negara

35 Sekretariat Rukun Negara Mengikut Jenis Institusi Pengajian Tinggi

37 Logo Sekretariat Rukun Negara

## 4 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

39 Penubuhan Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara

40 Terma Rujukan Penubuhan Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara

41 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara

42 Prosedur Penubuhan Sekretariat Rukun Negara

43 Pengurusan Mesyuarat Sekretariat Rukun Negara

44 Pengurusan Kewangan Sekretariat Rukun Negara

45 Tanggungjawab Ahli Sekretariat Rukun Negara



## 5 PERATURAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

49 | Peraturan Sekretariat Rukun Negara

## 6 PROGRAM SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

71 | Kluster Advokasi Kenegaraan
79 | Kluster Kepimpinan Mahasiswa
87 | Kluster Komuniti Resilen
95 | Kluster Aspirasi Kepelbagaian
97 | Panduan Pelaporan Program Sekretariat Rukun Negara

## 7 LAMPIRAN

105 | **Lampiran 1:** Borang Penubuhan Sekretariat Rukun Negara
111 | **Lampiran 2:** Contoh Format Sijil Penubuhan Sekretariat Rukun Negara
112 | **Lampiran 3:** Borang Keahlian Sekretariat Rukun Negara
113 | **Lampiran 4:** Senarai Ahli Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara
117 | **Lampiran 5:** Contoh Format Minit Mesyuarat Agung Sekretariat Rukun Negara
120 | **Lampiran 6:** Contoh Format Minit Mesyuarat Pengurusan Sekretariat Rukun Negara
121 | **Lampiran 7:** Contoh Format Laporan Pelaksanaan Program Sekretariat Rukun Negara
125 | **Lampiran 8:** Contoh Format Perancangan Program Tahunan Sekretariat Rukun Negara
130 | **Glosari**



# PERUTUSAN

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

Perpaduan dan pendidikan secara unik saling melengkapi melalui pengukuhan aktiviti kokurikulum bagi membentuk sahsiah generasi muda yang bertanggungjawab dan bersemangat patriotik kepada negara. Generasi muda yang mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas akan mampu mencorakkan masa depan negara yang maju, aman dan sejahtera. Pendekatan pemupukan perpaduan dalam kalangan mahasiswa adalah selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia yang berpaksikan elemen keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Dalam merealisasikan kesinambungan Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara menterjemahkannya melalui Program Semarak Uniti yang bertemakan 'Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia'. Buku Panduan Sekretariat Rukun Negara yang dibangunkan ini merupakan salah satu anjakan paradigma inisiatif Program Semarak Uniti berasaskan Rukun Negara. Buku ini juga dibangunkan berlandaskan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030. Pelaksanaan program perpaduan melalui Sekretariat Rukun Negara di institusi pengajian tinggi akan memantapkan lagi ekosistem dan kelestarian keharmonian negara dan pembinaan 'Keluarga Malaysia'.




**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**
**MENTERI PERPADUAN NEGARA**

# KATA ALU-ALUAN
# KETUA SETIAUSAHA
# KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Buku Panduan Sekretariat Rukun Negara menekankan kepada pelbagai aspek penambahbaikan dalam usaha memastikan Sekretariat Rukun Negara (SRN) dapat melahirkan generasi muda dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai semangat patriotisme tinggi serta mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Ia bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah dan bersikap terbuka sejajar dengan wawasan negara.



DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

# PRAKATA

## KETUA PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Pelaksanaan Program Sekretariat Rukun Negara di Institusi Pengajian Tinggi adalah usaha memperkasakan generasi muda mahasiswa bersemangat patriotisme yang tinggi serta mempratikkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Buku Panduan ini terdiri daripada empat (4) kluster iaitu Advokasi Kenegaraan, Kepimpinan Mahasiswa, Komuniti Resilen dan Aspirasi Kepelbagaian yang merangkumi 40 program berteraskan kepada pengukuhan 5P iaitu Pengetahuan, Pemahaman, Penghayatan, Penilaian dan Pengamalan berteraskan Prinsip Rukun Negara. Semoga pelaksanaan program-program melalui Sekretariat Rukun Negara akan memantapkan lagi semangat patriostime dan jati diri sebagai rakyat yang mensyukuri keharmonian dan perpaduan antara kita semua.



DATO’ HAJAH NORISON BINTI RAMLI
KETUA PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

# LAGU NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

# LAGU
# RUKUN NEGARA

*Lagu Ciptaan : Dato' Wah Idris*
*Lirik Oleh : Dato' Cosmas J.Abah*
*Dato' Azman Amin Hassan*

**Lima Prinsip Rukun Negara**
**Lima Prinsip Rukun Negara**
**Harus Menjadi Cara Hidup Kita**
**Bukan Sekadar Ikrar Sahaja**
**Sekali Sekala Dibaca Semata**
**Lima Prinsip Rukun Negara**
**Telah Menjadi Teras Perpaduan**
**Membentuk Satu Negara**
**Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa**

**Chorus:**
**Amalkanlah Rukun Negara**
**Dalam Hidup Harian Kita**
**Tanpa Mengira Tua Muda**
**Mengekalkan Warisan Kita**
**Lima Prinsip Rukun Negara**
**Telah Menjadi Teras Perpaduan**
**Membentuk Satu Negara**
**Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa**
**Lima Prinsip Rukun Negara**

**Ikrar:**
**Kepercayaan Kepada Tuhan**
**Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara**
**Keluhuran Perlembagaan**
**Kedaulatan Undang-Undang**
**Kesopanan Dan Kesusilaan**
**Itulah Lima Prinsip Rukun Negara**




WINGS OF AMITY
INTERNATIONAL COMMUNITY ENGAGEMENT
SEMARANG & YOGYAKARTA, INDONESIA




MOBILE LEGENDS
CHAMPION
RM500.00






SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA
MASTERCHEF MENU
#KELUARGA MALAYSIA

"Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu bersepakat untuk menyelamatkan keluarga kita iaitu Keluarga Malaysia."

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
**PERDANA MENTERI MALAYSIA KESEMBILAN**

#KELUARGA MALAYSIA

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## BUKU PANDUAN
## SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

### DEFINISI

Buku Panduan komprehensif berasaskan penghayatan Rukun Negara melalui pelaksanaan program kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi.

### MATLAMAT

Memperkukuhkan peranan Rukun Negara dalam pelaksanaan program yang memberi impak yang tinggi dalam kalangan mahasiswa.

Berteraskan kepada pengukuhan

**5P** Rukun Negara



**Peraturan Sekretariat Rukun Negara**
20 Peraturan

**Jumlah Program**
40 Program

## Kluster Program

**4 Kluster**

**Advokasi Kenegaraan**
10 Program

**Kepimpinan Mahasiswa**
10 Program

**Komuniti Resilen**
10 Program

**Aspirasi Kepelbagaian**
10 Program

## PERANAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

Sebagai tapak integrasi perpaduan yang dapat meningkatkan interaksi sosial merentasi etnik, agama dan kelas sosial di peringkat institut pengajian tinggi.

Mahasiswa akan didedahkan mengenai prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program yang dilaksanakan agar dapat memahami dan menghayati setiap prinsip Rukun Negara serta dijadikan budaya hidup seharian.

# BUKU PANDUAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA ADALAH SELARI DENGAN ASPIRASI DAN STRATEGI:




TERAS 1 :
PATRIOTISME
DAN DEMOKRASI




Strategi 1 :
Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

Strategi 2 :
Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah Malaysia

Strategi 3 :
Memperkukuh integrasi nasional




Teras Strategik 1 :

Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan

Teras Strategik 2 :

Memelihara sistem demokrasi Raja Berpelembagaan




Dimensi KARIB:

Membina Keakraban Dalam Perpaduan Keluarga Malaysia

**DASAR PERPADUAN NEGARA**
**RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021-2030**
**PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030**
**KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021 - 2025**

| | |
|---|---|
| TERAS 2 : IDENTITI NASIONAL | TERAS 3 : EKOSISTEM PERPADUAN |
| Strategi 5: Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik<br>Strategi 6: Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia | Strategi 8: Mengukuh tapak integrasi perpaduan<br>Strategi 9: Memperkasa jentera perpaduan melalui kerjasama strategik |
| Teras Strategik 4: Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan | Teras Strategik 5: Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi |
| Dimensi MAJMUK: Meraikan Kepelbagaian Demi Keluarga Malaysia | Dimensi AKSESIBILITI: Meningkatkan kebolehcapaian perpaduan Keluarga Malaysia<br>Dimensi INKLUSIVITI: Membudayakan Inklusiviti dan Keterangkuman Keluarga Malaysia |



“

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Ke IV – Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin telah mengisytiharkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 Bersempena Dengan Hari Kemerdekaan Ke-13.

”



# 1

# PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

# SEJARAH PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

Malaysia adalah negara yang bersifat pluralistik di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Sejak kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957, keharmonian yang kita kecapi adalah manifestasi permuafakatan terbaik dan sifat tolak ansur yang diamalkan oleh rakyat. Walau bagaimanapun cabaran kepelbagaian kaum ini telah mencetuskan insiden negatif pada 1969 ekoran ketidaksefahaman dalam kalangan rakyat.

Pengisytiharan Darurat adalah tindakan segera yang dilaksanakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Parlimen digantung pada 16 Mei 1969 dan pentadbiran negara diambil alih oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak. MAGERAN telah diamanahkan dan diberi kuasa untuk mengembalikan semula keamanan negara, ketenteraman awam dan menjamin kesejahteraan rakyat. Majlis ini juga bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran negara dapat kembali berjalan lancar.

Pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan untuk memikir dan menjadi peneraju idea dan tindakan praktikal membina perpaduan khususnya melalui penubuhan Majlis Muhibah dan Pejabat Muhibah di peringkat pusat, negeri, daerah dan kawasan, berasaskan Peraturan-Peraturan Perlu (Majlis-Majlis Muhibah) 1969 yang telah diwartakan pada 18 Julai 1969. MAGERAN kemudiannya menerbitkan laporan tragedi 13 Mei pada 9 Oktober 1969 yang menyebut punca rusuhan disebabkan ketidakfahaman yang berlaku antara kaum.



Majlis Perundingan Negara kemudiannya ditubuhkan pada 29 Januari 1970 untuk meneliti isu-isu perpaduan dan mencari jalan penyelesaian masalah antara kaum. Melalui gerak kerja kedua-dua badan yang mempunyai hubungan langsung dengan MAGERAN, iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara, beberapa dasar dibentuk untuk mengembalikan perpaduan iaitu Akta Hasutan, Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Walaupun Dasar Ekonomi Baru adalah dasar ekonomi, namun perpaduan negara diletakkan sebagai matlamat akhirnya.



Rukun Negara telah diisytiharkan dengan rasminya oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 sempena Ulang tahun Kemerdekaan Ke-13. Rukun Negara diperkenalkan sebagai pengikat pembina perasaan dan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Segala program dan acara menyambut kemerdekaan pada tahun tersebut telah diisi dengan persembahan yang berteraskan Rukun Negara. Tema 'muhibah' dan 'perpaduan' dijadikan tema Hari Kemerdekaan serta dinamakan sebagai Hari Kebangsaan.

Pada 23 Februari 1971, Kerajaan Berparlimen berfungsi semula dan sejak itu Rukun Negara terus kekal sebagai panduan dan tonggak kepada segala perancangan negara. Maka telah tiba masanya, Rukun Negara dikembalikan semula sifat sebenarnya berdasarkan konsep asal penghasilannya iaitu mencapai OBJEKTIF yang dihasratkan melalui PRINSIP sebagai alat untuk mencapainya. Oleh itu, PENGHAYATAN SEBENAR kepada RUKUN NEGARA memerlukan gandingan pemahaman menyeluruh keduanya.

Tun Haji Abdul Razak Hussein menyifatkan Rukun Negara sebagai "piagam rakyat untuk menentukan haluan rakyat Malaysia untuk tahun-tahun mendatang ke arah mencapai visi sebagai masyarakat moden dan progresif yang sebenarnya, dan menjadi inspirasi setiap rakyat untuk berusaha mencapainya." Falsafah dan ideologi negara yang dihasilkan ini adalah sumbangan pemimpin dan rakyat terdahulu yang tidak ternilai harganya. Oleh itu, Rukun Negara sepatutnya dihayati dalam erti sebenar ketika ia dihasilkan walaupun, budaya membaca Rukun Negara di perhimpunan sekolah rendah dan menengah, serta majlis sambutan Hari Kebangsaan di pusat pengajian tinggi, jabatan, agensi dan kementerian kerajaan masih berterusan pelaksanaannya, namun penekanan hanya diberikan kepada prinsipnya sahaja.



31 OGOS 1970
PADANG KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR

# GARIS MASA PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

**31 OGOS 1957**

Kemerdekaan Negara

**13 MEI 1969**

Insiden Negatif (Ketidaksefahaman Dalam Kalangan Rakyat)

**15 MEI 1969**

Pengisytiharan Darurat Oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-pertuan Agong

**16 MEI 1969**

- Parlimen Digantung
- Pentadbiran Negara Diambil Alih Oleh MAGERAN : Untuk Memastikan Dan Mengembalikan Semula Keamanan Negara Dan Pentadbiran Negara Kembali Berjalan Lancar.

**1 JULAI 1969**

Jabatan Perpaduan Negara Ditubuhkan : Untuk Menerajui Usaha Perpaduan Rakyat.

**29 JANUARI 1970**

Penubuhan Majlis Perundingan Negara : Berfungsi Meneliti Isu-isu Perpaduan Dan Mencari Jalan Penyelesaian Masalah Antara Kaum.

**31 OGOS 1970**

Rukun Negara Telah Diisytiharkan.

**23 FEBRUARI 1971**

- Kerajaan Berparlimen Berfungsi Semula.
- Rukun Negara Panduan & Tonggak Pentadbiran Negara.

# RUKUN NEGARA

**BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:**

- mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- memelihara cara hidup demokratik;
- mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama;
- menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**MAKA KAMI,** rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



"hanya menerusi perpaduan, kesepakatan dan kebersamaan yang erat bagaikan sebuah Keluarga Malaysia  sahajalah kita akan dapat mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang bakal ditempuh

... petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen Ke-14."



# RUKUN NEGARA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

# 2

# MATLAMAT PELAKSANAAN PROGRAM
## SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

SRN yang diwujudkan di IPT melaksanakan pelbagai program yang berteraskan kepada pengukuhan **Pengetahuan, Pemahaman, Penghayatan, Penilaian dan Pengamalan (5P) Rukun Negara** di kalangan mahasiswa.



Matlamat utama pelaksanaan program SRN adalah untuk mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan mahasiswa pelbagai kaum. Bagi mencapai matlamat ini, program SRN dirangka dan dilaksanakan berlandaskan kepada lima (5) Prinsip Rukun Negara iaitu :




Jawatankuasa SRN yang ditubuhkan di IPT juga digalakkan untuk melaksanakan program yang menjurus kepada peningkatan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara serta pengukuhan semangat patriotisme, perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan mahasiswa.

# RUKUN NEGARA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

## PENERAPAN PRINSIP RUKUN NEGARA MELALUI PROGRAM SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

### PRINSIP RUKUN NEGARA

#### KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

- Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan Malaysia
- Patuh dan taat setia kepada ajaran Agama masing-masing
- Mempunyai budi pekerti mulia dan nilai-nilai positif
- Menentukan hala tuju dalam kehidupan seharian

**NILAI-NILAI POSITIF**

- Keyakinan
- Kebenaran
- Kejujuran
- Berdisiplin
- Prihatin

#### KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

- Yang di-Pertuan Agong lambang perpaduan Negara
- Menumpukan taat setia, jujur dan ikhlas kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua Negara
- Menumpukan taat setia, jujur dan ikhlas kepada Raja dan Yang di-Pertua Negeri
- Memupuk semangat patriotisme dan cintakan Negara
- Menyemai semangat kebanggaan dalam diri untuk negara

**NILAI-NILAI POSITIF**

- Patriotisme
- Kebanggaan
- Pengorbanan
- Kewajipan
- Kasih sayang

#### KELUHURAN PERLEMBAGAAN

- Menerima, mematuhi, menjunjung serta mempertahankan keluhuran Perlembagaan Negara
- Mempunyai sikap tanggungjawab dan kewajipan tertentu terhadap kaum lain dan Negara
- Meningkatkan pemahaman terhadap kebersamaan dan kesaksamaan dalam kalangan mahasiswa
- Semangat mempertahankan perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

**NILAI-NILAI POSITIF**

- Hormat
- Kesetiaan
- Tanggungjawab
- Keberanian

## PRINSIP RUKUN NEGARA

### KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

- Pematuhan undang-undang akan mewujudkan masyarakat stabil dan makmur
- Membudayakan pematuhan undang-undang dalam kehidupan seharian
- Aspirasi untuk mematuhi undang-undang dalam kalangan mahasiswa
- Mempertahankan ekosistem pematuhan undang-undang dalam masyarakat

### NILAI-NILAI POSITIF

- Akur
- Tanggungjawab
- Integriti
- Patuh

### KESOPANAN DAN KESUSILAAN

- Menerima dan menghormati kepelbagaian adat resam dan budaya kaum lain
- Pengamalan adab sopan dan tatasusila yang mulia dalam membentuk individu yang berdisiplin dan bermoral tinggi
- Menggalakkan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat

### NILAI-NILAI POSITIF

- Kasih sayang
- Keamanan
- Jujur
- Beretika
- Kerjasama



“

.... petikan kata-kata Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Malaysia Pertama

Semangat kebangsaan hendaklah dijadikan baja bagi menyuburkan kemerdekaan yang kita capai. Mereka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapati, untuk mendapatkannya memerlukan pengorbanan yang sebenar bukan sahaja berkorban wang ringgit dan usaha tenaga bahkan jiwa kita sendiri juga.

”



# 3

# SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

# SEJARAH PENUBUHAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN)

Kementerian Pendidikan telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000 : Penubuhan Kelab Rukun Negara di Sekolah-sekolah bertarikh 16 November 2000 kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri.

Atas tanggungjawab untuk memperkukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat melalui penghayatan dan pengamalan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menjalin kerjasama erat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi bagi memperluaskan penubuhan KRN di sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan **keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2004**.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Kelab Rukun Negara Peringkat IPT telah diadakan pada 13 September 2005 iaitu bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia. JPNIN dengan kerjasama Jabatan Pengajian Tinggi dan Universiti Utara Malaysia telah mengambil inisiatif



untuk menganjurkan Bengkel Pemantapan Hala Tuju Kelab Rukun Negara di IPT pada 28 hingga 30 Ogos 2008 bertempat di Universiti Utara Malaysia. Setelah pelaksanaan bengkel ini, Kelab Rukun Negara di IPT **dijenamakan semula** kepada Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan kekal sehingga ke hari ini.

Buku Panduan Sekretariat Rukun Negara adalah selari dan seiring dengan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blue Print) Perpaduan Negara (2021-2031).

Menerusi SRN, mahasiswa akan didedahkan mengenai prinsip-prinsip Rukun Negara melalui aktiviti yang dilaksanakan supaya mahasiswa dapat memahami dan menghayati setiap prinsip Rukun Negara serta dijadikan budaya hidup seharian. Justeru itu, pada setiap tahun Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terus komited dalam menyebarkan perpaduan dan penghayatan Rukun Negara melalui pelbagai program yang telah dirancang melibatkan ahli SRN di IPT.



# SEJARAH PENUBUHAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

**16 November 2000**

### Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.17/2000 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia meminta semua sekolah menengah menubuhkan KRN manakala sekolah rendah adalah digalakkan.

**11 Ogos 2004**

### Mesyuarat Jemaah Menteri

Penubuhan Kelab Rukun Negara akan diperluaskan di sekolah-sekolah dan Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. JPNIN akan berkerjasama erat dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi tujuan tersebut.

**13 September 2005**

### Majlis Pelancaran Penubuhan Kelab Rukun Negara Peringkat Institut Pengajian Tinggi

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

**28 hingga 30 Ogos 2008**

### Bengkel Pemantapan Hala Tuju KRN di IPT

KRN di IPT dijenamakan semula kepada **Sekretariat Rukun Negara.**

# PUNCA KUASA PENUBUHAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

1

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000 : Penubuhan Kelab Rukun Negara di Sekolah-sekolah bertarikh 16 November 2000**

2

**Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2004**

"bahawa penubuhan Kelab Rukun Negara akan diperluaskan di sekolah-sekolah serta Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta memperkukuhkan lagi pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dan mewujudkan kerjasama erat dengan pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi tujuan tersebut"



## VISI

**Menjadi tonggak dan pemangkin kepada pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.**

## MISI

**Mendukung dan mempertahankan Rukun Negara sebagai landasan hidup yang menyatukan seluruh rakyat ke arah mencapai negara Malaysia yang bersatu padu dan harmoni.**

## OBJEKTIF PENUBUHAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

**01**

Menjadi mekanisme di peringkat Institut Pengajian Tinggi dalam memperkaya pengetahuan, pemahaman, penghayatan, pengamalan dan penilaian mahasiswa terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara.

**02**

Menjadikan Sekretariat Rukun Negara sebagai `*platform*' berkesan untuk menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa.

**03**

Meningkatkan kesedaran mahasiswa untuk mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara.

# SEKRETARIAT RUKUN NEGARA MENGIKUT JENIS INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



# LOGO SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN)

SEKRETARIAT
RUKUN NEGARA



**TAPAK TANGAN**

Menggambarkan semangat mahasiswa yang setia dan jitu dalam mempertahankan Negara



**BENTUK HATI**

Menggambarkan mahasiswa yang sentiasa prihatin tanpa mengira kaum dan agama

**WARNA KUNING**

Melambangkan kedaulatan Raja Berpelembagaan

**WARNA MERAH**

Melambangkan keberanian dan kesediaan dalam mengharungi segala jenis cabaran demi negara yang tercinta

**WARNA BIRU**

Melambangkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dan bersatu-padu

**WARNA PUTIH**

Melambangkan kesucian, kesungguhan dan keluhuran hati rakyat Malaysia



…petikan kata-kata Tun Haji Abdul Razak Hussein
Perdana Menteri Malaysia Kedua

> “Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari pelbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu.”



# PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

# 4

# PENUBUHAN JAWATANKUASA SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

## JAWATANKUASA TEKNIKAL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

**Pengerusi** : Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara
**Ahli** : Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
**Urus Setia** : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

## JAWATANKUASA PELAKSANA NEGERI

**Pengerusi** : Pengarah Perpaduan Negeri
**Setiausaha** : Timbalan Pengarah Perpaduan Negeri
**Ahli** : Pegawai Hal Ehwal Pelajar / Penasihat Sekretariat Rukun Negara dan Pegawai Perpaduan Daerah

## JAWATANKUASA SEKRETARIAT RUKUN NEGARA PERINGKAT IPT

**Penaung** : Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor / Timbalan Presiden / Dekan / Pengarah Kampus / Pengarah Kolej / Pengarah Hal Ehwal Pelajar
**Penyelaras** : Pegawai Hal Ehwal Pelajar
**Penasihat** : Pegawai / Pensyarah IPT
**Presiden** : Mahasiswa
**Ahli** : Mahasiswa (yang dilantik)

# TERMA RUJUKAN PENUBUHAN JAWATANKUASA SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

## JAWATANKUASA TEKNIKAL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

1. Membangunkan atau menambahbaik Elemen Pendidikan Rukun Negara di semua peringkat pendidikan dari Prasekolah sehingga Institut Pengajian Tinggi.
2. Mengemukakan syor – syor untuk mengukuhkan pelaksanaan kokurikulum di Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.
3. Melaksanakan strategi komunikasi bersama dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui pelbagai platform media komunikasi.

## JAWATANKUASA PELAKSANA NEGERI

1. Menyelaras pelaksanaan program Sekretariat Rukun Negara di peringkat negeri.
2. Mencadangkan program Sekretariat Rukun Negara yang mempunyai impak yang tinggi terutamanya kepada generasi muda.
3. Melaksanakan strategi komunikasi bersama dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui pelbagai platform media komunikasi.

## JAWATANKUASA SEKRETARIAT RUKUN NEGARA PERINGKAT IPT

1. Menyelaras pelaksanaan program Sekretariat Rukun Negara peringkat IPT.
2. Meluluskan pelaksanaan program-program Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPT.
3. Memastikan program Sekretariat Rukun Negara dilaksanakan di peringkat IPT.
4. Mempromosikan dan membuat hebahan pelaksanaan program melalui pelbagai platform media komunikasi.

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

- Penyediaan Garis Panduan Sekretariat Rukun Negara
- Cadangan Program Peringkat Kebangsaan
- Penyediaan Bahan Promosi
- Peruntukan Kewangan
- Penyelaras Bersama bagi Laporan Sekretariat Rukun Negara secara keseluruhan

## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- Cadangan Program Peringkat Kebangsaan
- Peruntukan Kewangan
  (tertakluk kepada ketersediaan peruntukan dan kelulusan Kementerian dan Jabatan berdasarkan permohonan semasa)
- Penyelaras Bersama bagi Laporan Sekretariat Rukun Negara secara keseluruhan

## JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL NEGERI

- Agihan Peruntukan Kewangan
- Cadangan dan Pelaksanaan Program Peringkat Negeri
- Pemantauan Operasi Sekretariat Rukun Negara
- Kepegawaian / Fasilitator
- Pelaporan Penubuhan, Program dan Mesyuarat Sekretariat Rukun Negara ke Ibu Pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

## INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

- Penubuhan Sekretariat Rukun Negara
- Cadangan dan Perlaksanaan Program Sekretariat Rukun Negara Peringkat Institut Pengajian Tinggi
- Pelaporan Program dan Mesyuarat Sekretariat Rukun Negara
- Pemantauan Operasi Sekretariat Rukun Negara oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar / Penasihat Sekretariat Rukun Negara
- Sumber Kewangan

# PROSEDUR PENUBUHAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

1. Kementerian Pengajian Tinggi mengeluarkan pelawaan kepada semua IPT untuk menubuhkan Sekretariat Rukun Negara pada awal tahun dan disalinkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan Negara.

2. Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor / Timbalan Presiden / Dekan / Pengarah Kampus / Pengarah Kolej / Pengarah Hal Ehwal Pelajar hendaklah melantik jawatankuasa Penaja di peringkat Institusi Pengajian Tinggi masing-masing.

3. Jawatankuasa Penaja tersebut hendaklah mengemukakan satu permohonan penubuhan Sekretariat Rukun Negara di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing berpandukan kepada format perlembagaan. Borang permohonan penubuhan Sekretariat Rukun Negara seperti di **Lampiran 1**.

4. Setelah menerima kelulusan daripada pihak pengurusan Institusi Pengajian Tinggi masing-masing, Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan mengeluarkan sijil penubuhan Sekretariat Rukun Negara dan melantik Penyelaras, Penasihat dan Majlis Tertinggi Sekretariat Rukun Negara.

5. Majlis Tertinggi Sekretariat Rukun Negara ini perlu memanggil satu Mesyuarat Agung Tahunan untuk memperkenalkan jawatankuasa baru serta berbincang mengenai pengurusan Sekretariat Rukun Negara.

6. Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara perlu mengemukakan secara bertulis dalam tempoh **14 hari** kepada Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor / Timbalan Presiden / Dekan / Pengarah Kampus / Pengarah Kolej / Pengarah Hal Ehwal Pelajar laporan-laporan berikut:
   - Peraturan Sekretariat Rukun Negara
   - Borang Penubuhan Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 1**
   - Sijil Penubuhan Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 2**
   - Borang Keahlian Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 3**
   - Senarai Ahli Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara (minimum 10 orang) dan Keahlian Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 4**
   - Minit Mesyuarat Agung Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 5**
   - Minit Mesyuarat Pengurusan Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 6**
   - Laporan Pelaksanaan Program Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 7**
   - Perancangan Aktiviti Tahunan Sekretariat Rukun Negara - **Lampiran 8**; dan
   - Laporan Kewangan Sekretariat Rukun Negara

7. Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor / Timbalan Presiden / Dekan / Pengarah Kampus / Pengarah Kolej / Pengarah Hal Ehwal Pelajar memaklumkan penubuhan Sekretariat Rukun Negara kepada JPNIN Negeri masing-masing.

*Penubuhan Sekretariat Rukun Negara **digalakkan** kepada semua Institusi Pengajian Tinggi

# PENGURUSAN MESYUARAT SEKRETARIAT RUKUN NEGARA DI PERINGKAT IPT

Mesyuarat adalah satu platform komunikasi dua hala di antara ahli-ahli Sekretariat Rukun Negara bagi membincangkan hala tuju Sekretariat Rukun Negara.

## AGENDA MESYUARAT

- Ucapan Penasihat
- Pengesahan Minit Mesyuarat
- Perkara-Perkara Berbangkit
- Pembentangan Laporan Program, Kewangan dan Keahlian
- Perancangan Program
- Hal-Hal Lain
- Penutup

## CONTOH FORMAT MINIT MESYUARAT

Disediakan contoh format seperti di **Lampiran 6.**

## KEKERAPAN DAN KORUM MESYUARAT

- 3 kali Mesyuarat Pengurusan Sekretariat Rukun Negara (minimum)
- Kehadiran 2/3 dari jumlah Ahli Jawatankuasa

# PENGURUSAN KEWANGAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

**01**

Setiap sekretariat hendaklah mewujudkan akaun di Jabatan Bendahari IPT dan dikawal oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

**02**

Semua urusan kewangan hendaklah merujuk kepada prosedur kewangan Institut Pengajian Tinggi masing-masing.

**03**

Sebarang tajaan atau kutipan derma bagi setiap sekretariat hendaklah mendapat kelulusan pihak pengurusan tertinggi IPT.

**04**

**Sumber Kewangan :**

- Peruntukan daripada Kementerian Perpaduan Negara;
- Peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi;
- Peruntukan daripada Institut Pengajian Tinggi masing-masing;
- Sumbangan dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta; dan
- Projek Ekonomi.



# TANGGUNGJAWAB AHLI SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

Semua ahli Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara adalah tertakluk kepada peraturan sekretariat dan berjanji mentaati perkara-perkara berikut :-

- Saling hormat-menghormati di antara satu kaum dengan kaum yang lain sama ada dalam sekretariat mahupun di mana-mana sahaja dalam apa jua keadaan.
- Setiap ahli dikehendaki melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh sekretariat.
- Setiap ahli dilarang mempengaruhi ahli atau orang lain membuat propaganda yang boleh memecah-belahkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- Setiap ahli dilarang mengamalkan diskriminasi antara kaum dan seterusnya memantau agar perkara tersebut tidak diamalkan.
- Setiap ahli dilarang menyentuh atau membicarakan secara terbuka perkara yang sensitif bagi sesuatu kaum.
- Berusaha ke arah memelihara semangat perpaduan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan rakyat Malaysia.
- Setiap ahli mestilah berinteraksi dan bekerjasama dengan semua kaum.



RAM KHIDMAT MASYARAKAT
18 - 20 DISEMBER 2020
KAMPUNG SUNGAI CHIONG,
ANGAN PENGUMPULAN SEMULA (RPS) AIR BA
THE ROYAL BELUM, PERAK
RIDZUAN





APM




“

...petikan kata-kata Tun Hussein Onn
Perdana Menteri Malaysia Ketiga

“Tidak ada makna kekayaan, kemajuan dan kemakmuran jika rakyat berpecah belah dan bergaduh sesama sendiri”

”



# PERATURAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA 5

## PERATURAN 1 NAMA

1.0 Persatuan ini dikenali dengan nama Sekretariat Rukun Negara (Nama IPT). Ia juga dikenali sebagai **SRN** (Nama Akronim IPT)

## PERATURAN 2 TEMPAT URUSAN

**2.1** Alamat dan tempat urusan Sekretariat ialah ‘Jabatan Hal Ehwal Pelajar, (Alamat IPT)

**2.2** Tempat urusan pendaftaran dan alamat surat menyurat Sekretariat tidak boleh diubah tanpa kebenaran pihak Hal Ehwal Pelajar terlebih dahulu.

# PERATURAN 3 OBJEKTIF

**3.1**

Menjadi mekanisme di peringkat Institut Pengajian Tinggidalam memperkaya pengetahuan, pemahaman, penghayatan, pengamalan dan penilaian mahasiswa terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara.

**3.2**

Menjadikan Sekretariat Rukun Negara sebagai ‘*platform*’ berkesan untuk menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa.

**3.3**

Meningkatkan kesedaran mahasiswa untuk mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara.

# PERATURAN 4 KEAHLIAN

Setiap mahasiswa adalah layak menjadi ahli sekretariat sekiranya mempunyai syarat-syarat berikut :

**4.1** Mahasiswa yang berdaftar Ijazah Pertama ke bawah sepenuh masa adalah **layak** menjadi ahli Sekretariat Rukun Negara.

**4.2** Mengisi borang keahlian yang disediakan (**Lampiran 3**).

**4.3** Mahasiswa mestilah warganegara Malaysia.

**4.4** Keahlian Sekretariat Rukun Negara mestilah terdiri daripada **pelbagai kaum dan tidak boleh dipelopori oleh satu kaum** sahaja **kecuali bagi IPT yang mahasiswanya terdiri daripada satu kaum sahaja.**

# PERATURAN 5 PERMOHONAN MENJADI AHLI

**5.1** Tiada yuran keahlian dikenakan kepada ahli SRN.

**5.2** Setiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Kehormat dan dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

**5.3 Hak dan Keistimewaan Ahli**

- Berhak bersuara, mencadangkan, menyokong, mengundi dan dicalonkan sebagai ahli Jawatankuasa
- Berhak menggunakan apa-apa keistimewaan lain dan kemudahan sebagaimana yang disediakan oleh sekretariat
- Berhak memeriksa semua laporan dan penyata kewangan sekretariat dengan syarat bahawa sesuatu pemberitahuan bertulis mengenai tujuan itu diberi dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Kehormat Sekretariat

**5.4** Setiap pemohon yang telah diluluskan permohonannya akan mendapat segala kemudahan sebagai ahli bermula dari tarikh dia diterima masuk.

**5.5** Semua pernyataan di Peraturan 5 ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan tertinggi Institusi Pengajian Tinggi masing-masing.

## PERATURAN 6 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

**6.1** Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli sekretariat, hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Kehormat.

**6.2** Mana-Mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang sekretariat atau bertindak dengan cara yang dianggap boleh mencemarkan nama baik sekretariat boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi sesuatu tempoh tertentu sebelun Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli hendaklah diberitahu sebab-sebab pemecatan atau penggantunganya secara bertulis.

## PERATURAN 7 MESYUARAT AGUNG

**7.1** Pengelolaan sekretariat ini diserahkan kepada Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupkan bilangan korum untuk mesyuarat.

**7.2** Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Tahunan, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak melebihi 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

**7.3** Mesyuarat Agung Tahunan bagi sekretariat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **sekali dalam dua sesi pengajian pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan** oleh Jawatankuasa. Agenda-agenda Mesyuarat Agung Tahunan ialah :

- Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan sekretariat di dalam setahun yang lalu.
- Menerima laporan Bendahari Kehormat dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi setahun yang lalu.
- Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat.

**7.4** Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar notis mesyuarat kepada setiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan bersama-sama satu agenda mesyuarat.

**7.5** **Mesyuarat Agung Khas** bagi sekretariat ini boleh diadakan :

- apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
- atas permintan ramai secara bertulis oleh tidak kurang daripada satu perlima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat Sekretariat.

**7.6** Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu. Pengumuman dan agenda Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah dimaklumkan sekurang-kurangnga 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

**7.7** Peraturan 7.1 dan 7.2 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Khas Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas. Sekiranya korum mesyuarat tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan, maka mesyuarat hendaklah dibatalkan.

**7.8** Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada setiap ahli satu salinan deraf peringatan setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah mesyuarat tersebut selesai.

# PERATURAN 8 JAWATANKUASA

**8.1** Satu Jawatankuasa Eksekutif seperti berikut yang mengandungi **Pegawai-pegawai Sekretariat** hendaklah dipilih oleh pihak Hal Ehwal Pelajar :




**8.2** Pemegang-pemegang jawatan sekretariat ini dan setiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam sekretariat ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.

**8.3** Fungsi Jawatankuasa adalah mengelola dan merancang tugas harian sekretariat dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan sekretariat mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan sekretariat dalam dua tahun lalu kepada setiap ahli Jawatankuasa di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

**8.4** Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekalai dalam 1 bulan. Pengumuman bagi setiap mesyuarat hendaklah dimaklumkan kepada ahli-ahli 7 hari lebih awal. Presiden atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa boleh mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa dan dihadiri sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripda bilangan ahli Jawatankuasa.

**8.5** Sekiranya mesyuarat Jawatankuasa berkaitan perkara mustahak tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Kehormat boleh mendapatkan kelulusan daripada ahli Jawatankuasa lain. Perkara ini boleh diadakan sekiranya:

**8.5.1** Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam surat edaran yang diedarkan kepada ahli Jawatankuasa.

**8.5.2** Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu.

**8.5.3** Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

**8.5.4** Sebarang keputusan yang diperoleh hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Kehormat dalam mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

**8.6** Ahli Jawatankuasa yang gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan dikira sebagai telah meletak jawatan di dalam Jawatankuasa.

**8.7** Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletak jawatan, pihak Hal Ehwal Pelajar akan melantik ahli yang lain mengisi kekosongan itu..

## PERATURAN 9 KEWAJIPAN JAWATANKUASA

### 9.1 PRESIDEN

- Bertanggungjawab ke atas keseluruhan perjalanan sekretariat.
- Bertanggungjawab mempengerusikan mesyuarat sekretariat
- Bertanggungjawab menyusun dan merangka aktiviti sekretariat
- Bertanggungjawab merapatkan hubungan dengan Sekretariat Rukun Negara di IPT-IPT lain.
- Bertanggungjawab berhubung dengan Pejabat Perpaduan Negeri untuk mendapatkan bahan penerbitan dan sebagainya.

### 9.2 TIMBALAN PRESIDEN

- Bertanggungjawab kepada Presiden dalam ketiadaan Presiden menjalankan semua tugas
- Membantu Presiden mentadbir sekretariat
- Membantu Presiden merancang aktiviti sekretariat.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

### 9.3 SETIAUSAHA KEHORMAT

- Mengurus segala rekod dan minit mesyuarat-mesyuarat.
- Menyediakan laporan kegiatan dan aktiviti.
- Mengurus segala urusan surat-menyurat bagi pihak sekretariat.
- Menyimpan dan merekodkan segala fail-fail sekretariat.
- Setiausaha Agung hendaklah dalam masa 14 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimkan penyata tahunan sekretariat kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Presiden dan Timbalan Presiden.

## 9.4 PENOLONG SETIAUSAHA KEHORMAT

- Membantu Setiausaha Kehormat menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan.
- Menjalankan tugas Setiausaha Kehormat semasa ketiadaannya.

## 9.5 BENDAHARI KEHORMAT

- Bertanggungjawab menguruskan urusan kewangan sekretariat.
- Menyimpan dan merekodkan segala urusan kewangan sekretariat.
- Mengusahakan sumber kewangan sekretariat.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Presiden dan Timbalan Presiden.

## 9.6 EXCO

- Bertanggungjawab sepenuhnya kepada Presiden/Timbalan Presiden.
- Membantu Jawatankuasa Eksekutif menjalankan urusan sekretariat.
- Menghadiri mesyuarat sekretariat apabila dijemput.
- Membantu Presiden menambah keahlian sekretariat.
- Membantu Presiden menjalankan aktiviti sekretariat.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Presiden dan Timbalan Presiden.

## PERATURAN 10 AKTIVITI SEKRETARIAT

Sekretariat Rukun Negara harus melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan kepada lima prinsip Rukun Negara.

## PERATURAN 11 KEWANGAN

**11.1** Sumber-sumber kewangan sekretariat boleh diperoleh daripada :

- Peruntukan daripada Kementerian Perpaduan Negara
- Peruntukan daripada IPT masing-masing
- Sumbangan dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan swasta
- Sumbangan individu dan sumber-sumber lain yang difikirkan sesuai
- Peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi

**11.2** Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini wang sekretariat ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi belanja mengurus dan menjalankan aktiviti sekretariat.

**11.3** Penyata perihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik di bawah Peraturan 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira telah diauditkan itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk maklumat ahli di tempat urusan sekretariat.

**11.4** Tahun kewangan sekretariat adalah tahun semasa.

**11.5** Peraturan 11.1 hingga 11.5 adalah tertakluk kepada prosedur kewangan IPT masing-masing.

## PERATURAN 12 JURU AUDIT KEHORMAT

BERMULA
**1 JANUARI**

BERAKHIR
**31 DISEMBER**

Setiap Tahun

**12.1**

Dua orang Juru Audit Kehormat yang bukan terdiri daripada Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh pihak Hal Ehwal Pelajar.

**12.2**

Juru Audit Kehormat boleh memeriksa buku kewangan sekretariat pada bila-bila masa dan mestilah mengesahkan Laporan Kewangan Sekretariat sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

# PERATURAN 13 PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS DAN PENASIHAT

13.1 Dua pegawai yang terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan universiti hendaklah dilantik oleh pihak Hal Ehwal Pelajar.

13.2 Mereka hendaklah memegang jawatan sehingga tamat tempoh pemegangan jawatan yang akan berakhir pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan mereka layak dilantik semula.

13.3 Pegawai-pegawai yang dilantik di bawah undang-undang ini hendaklah membimbing Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara sebagaimana yang dikehendaki oleh objektif penubuhan sekretariat.

13.4 Mereka tidak boleh merancang, melaksana dan meluluskan aktiviti sekretariat dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar.

13.5 Seorang pegawai yang diperakukan boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh pihak Hal Ehwal Pelajar oleh sebab uzur kerana sakit,tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pelucutan bagi seorang pegawai yang diperakukan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar untuk tujuan tersebut.

## PERATURAN 14 TAFSIRAN PERATURAN (UNDANG-UNDANG)

**14.1** Apabila pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan, Jawatankuasa boleh menerangkan peraturan ini kepada semua ahli Jawatankuasa.

## PERATURAN 15 LARANGAN

**15.1** Segala aktiviti yang dianjurkan menggunakan nama sekretariat mestilah selaras dengan objektif penubuhan sekretariat. Aktiviti yang selainnya adalah tidak diperakui.

**15.2** Segala bentuk aktiviti yang menyalahi undang-undang kerajaan Malaysia adalah larangan kepada ahli persatuan.

**15.3** Mana-mana ahli yang didapati bersalah menganjurkan aktiviti tersebut boleh diambil tindakan oleh sekretariat dan undang-undang Malaysia.

## PERATURAN 16 PINDAAN PERATURAN (UNDANG-UNDANG)

**16.1** Setiap cadangan pindaan tersebut hendaklah mempunyai seorang pencadang dan seorang penyokong yang terdiri daripada golongan ahli biasa sekretariat.

